

**Matlamat Wawasan 2020 Dapat Dicapai - Dr Mahathir
Bernama
28 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad optimis dan yakin bahawa Malaysia akan menjadi negara maju menjelang 2020 walaupun menghadapi pelbagai cabaran sepanjang perjalanan ke arah itu.

"Saya percaya kita (Malaysia) boleh melakukannya dan akan menjadi negara maju," katanya, sambil mengakui bahawa negara ini berkembang pesat sejak beliau mengumumkan wawasan itu pada 28 Feb 1991.

Dr Mahathir berucap pada majlis 'Memperingati Wawasan 2020: Sepetang bersama Tun Dr Mahathir' yang memberi tumpuan kepada tajuk 'Pusingan Akhir Wawasan 2020: Bolehkah Kita Mencapainya?' di Seri Kembangan di sini malam Khamis.

Dr Mahathir berkata sejak pengumuman itu, Wawasan 2020 telah bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan pesat negara.

Ini, katanya, telah melahirkan lebih ramai golongan profesional di dalam negara dan turut menjadi hab pendidikan yang perlu diberi perhatian.

"Kita berkembang dengan amat pesat dan semua itu disebabkan Wawasan 2020," katanya.

Majlis itu dianjurkan bersama Institut Kepimpinan dan Strategi Asia dan Cheng Ho Multi Culture Education Trust sempena ulang tahun ke-22 pengumuman Wawasan 2020.

Dr Mahathir turut menasihatkan generasi muda untuk meneruskan wawasan itu dan tidak membiarkannya tergelincir daripada landasan disebabkan sebarang perubahan yang tidak perlu di dalam negara.

Merujuk kepada pilihan raya umum akan datang, beliau berkata: "Undilah dengan bijak dan berdasarkan realiti negara, dan bukan berdasarkan emosi. Saya bukan berkempen tetapi hanya menyatakan fakta".

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=931171>